



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	6/4/2021	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	KeTSA / PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



AKTA 716 digunakan sekarang ke atas pesalah termasuk pemburu haram memperuntukkan denda maksimum RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Denda RM1j menanti pemburu haram

Lenggong: Penjenayah pemerdagangan hidupan liar di negara ini khasnya pemburu haram, bakal berdepan denda mencecah RM1 juta sebaik sahaja pindaan kepada akta sedia ada selesai dilaksanakan kerajaan, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, kerajaan dalam peringkat akhir meminda Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri dan seterusnya di Parlimen dalam membendung jenayah pemerdagangan hidupan liar di negara ini.

Katanya, pindaan itu bakal menambah baik akta terbabit termasuk peningkatan denda daripada RM500,000 ketika ini bagi kesalahan pemerdagangan hidupan liar kepada RM1 juta kelak.

"Ini membuktikan kita sa-

ngat serius untuk memelihara khazanah negara dengan meningkatkan undang-undang sedia ada bagi mengawal pencerobohan, pembalakan haram dan pemburuan hidupan liar.

"Kita kenal pasti jenayah mencuri pemerdagangan hidupan liar sering berlaku melalui jualan secara dalam talian dan eksport yang merugikan negara," katanya dalam sidang media selepas majlis Penyampaian Watak Pelantikan 201 Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Orang Asli di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTMM) di sini, semalam.

Untuk rekod, Akta 716 kini selalu digunakan kepada mana-mana pesalah termasuk pemburu haram yang boleh didenda maksimum RM500,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya

sekali.

Dilapor, Ketua Pengarah Jabatan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim pernah memberi cadangan pindaan akta itu pada Ogos tahun lalu sebagai tanda usaha tegas kerajaan membanteras kegiatan pemburuan haram.

Terdahulu dalam ucapannya, Shamsul Anuar berkata, seramai 135 pesalah membabitkan 96 warga tempatan dan 39 warga asing ditangkap tahun ini atas pelbagai kesalahan dalam Akta 716 itu dengan nilai sitaan sebanyak RM1.7 juta selain 630 jerat serta 141 khemah pendatang pula dimusnahkan.

Selain itu katanya, menerusi kerjasama pelbagai agensi dan pihak berkuasa pada tahun lalu pula berjaya menangkap 64 pesalah yang membabitkan 32 kes dengan

nilai rampasan RM636,600 dan memusnahkan 433 jerat.

Mengenai program hari ini, Ahli Parlimen Lenggong itu berkata, sehingga kini seramai 538 veteran ATM dan Orang Asli dilantik melalui Program Perlindungan dan Rondaan Biodiversiti (BP3) bagi membolehkan kerajaan terus melindungi hasil negara yang bernilai tinggi.

Beliau berkata, pasukan berkenaan akan menjadi mata dan telinga kerajaan di kawasan panas seperti di Taman Negara yang dikenali pasti sering menjadi lokasi aktiviti pemburuan haram bagi hidupan liar oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, BP3 diperkukuh membabitkan peruntukan RM32 juta dengan penglibatan 600 veteran ATM, veteran Polis dan Orang Asli.